



NASROL WAHAB yang mendapat Bachelor Bahasa dan Linguistik Melayu menunjukkan ijazah kepada Rosliwati Mat Isa selepas Konvokesyen UPM di Kuala Lumpur, semalam.

# Nasrol 'ikat perut' untuk jimat wang

Oleh SHEILA RANI CHANDRASEKARAN  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 NOV.

DILAHIRKAN sebagai anak kepada pasangan bisu dan hidup dalam serba kekurangan, tidak langsung menghalang Nasrol Wahab untuk membuktikan bahawa dia juga mempunyai pilihan untuk berjaya.

Berasal dari Pasir Puteh, Kelantan, Nasrol, 24, menyifatkan kejayaannya menerima Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Melayu (Kepujian) dari Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai pencapaian terbaik selepas melalui pelbagai dugaan sejak ayahnya meninggal dunia.

Merupakan anak sulung daripada tujuh beradik, katanya, kemiskinan menyebabkan ada kalanya dia terpaksa mengikat perut semata-mata mahu menyimpan wang hasil kerja sambilan yang dilakukan untuk keperluan pengajian.

"Sejak ayah meninggal dunia pada 2009, saya bertanggungjawab sebagai ketua keluarga serta perlu bijak menguruskan kewangan supaya dapat menampung keluarga dan pada masa yang sama, menggunakan sepanjang pengajian.

"Jadi, kejayaan saya ini adalah hadiah kepada ibu yang sentiasa menyokong dan memberi penerangan terhadap kepentingan pelajaran," katanya ketika ditemui dalam majlis Konvokesyen UPM Ke-39 bagi sesi ketiga dan keempat, hari ini.

Seramai 1,790 graduan pelbagai

bidang pengajian menerima ijazah dan diploma masing-masing daripada Pro-Canselor UPM, Tan Sri Lim Ah Lek.

Dalam pada itu, ibu Nasrol, **Rosliwati Mat Isa**, 45, menerusi bahasa isyarat berkata, dia cukup bangga dengan pencapaian anaknya dan berharap agar kejayaannya dicontohi oleh anak-anaknya yang lain.

Sementara itu, dua atlet negara, M. Mathivani dan Noraseela Mohd. Khalid merupakan antara penerima ijazah dalam majlis tersebut.

Mathivani, atlet karate, menerima Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia) manakala Noraseela pula Ijazah Sarjana Pendidikan (Sains Sukan).

"Saya sentiasa memohon doa dan restu daripada ibu bapa. Mereka merupakan pendorong kuat saya untuk sampai ke tahap ini."

"Selain itu, saya berharap agar dapat mewakili negara untuk sukan karate dalam Sukan Olimpik 2020 yang akan berlangsung di Tokyo," kata **Mathivani** yang berhasrat melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat doktor falsafah.

Bagi atlet 400 meter, **Noraseela**, kejayaannya menggenggam segulung ijazah umpama impian yang menjadi kenyataan.

"Kecederaan yang saya alami antara faktor yang menyebabkan saya lebih fokus terhadap pelajaran selain mengurangkan penyertaan saya dalam kejohanan sama ada dalam mahupun luar negara."

"Syukur alhamdulillah, segala usaha membuatkan hasil dan dapat menamatkan pengajian dengan rakan lain pada hari ini," ujarnya.

# KONVOKESIEN 31 Okt - 3 Nov 2015 Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia **KE-39**

MENDEPANI PERTANIAN



**M. MATHIVANI** (dua dari kanan) menunjukkan ijazah Bachelor Sains (kimia) kepada keluarganya selepas Konvokesyen UPM di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/  
**JEFFRI IRAN**